

SIARAN AKHBAR

TH BERIKRAR BEBAS RASUAH

Kuala Lumpur, Selasa, 30 Mei 2017 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menganjurkan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bertempat di Bangunan **TH**, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Majlis yang julung-julung kali diadakan ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH**. Majlis turut disertai oleh YBhg. Datuk Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan YBhg. Datuk Seri Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**. Penganjuran majlis ini menyatakan sokongan berterusan **TH** dalam memerangi rasuah sejajar dengan amalan serta tadbir urus korporat yang terbaik.

“Dalam usaha memantapkan integriti dan pencegahan rasuah, **TH** kini menuju ke arah Persijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) ISO 37001. Beberapa pegawai **TH** telah dihantar untuk mengikut Bengkel Penyediaan Dokumentasi ABMS ISO 37001 ini. Saya juga berharap **TH** akan menjadi antara agensi terawal mendapat Pensijilan ABMS ISO 37001,” kata YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim.

TH serius dan prihatin dalam meletakkan nilai integriti sebagai satu misi utama bagi membanteras rasuah, bermula dengan usaha Menandatangani Corporate Integrity Pledge (CIP) pada April 2012 sehingga penubuhan Bahagian Integriti pada Oktober 2013. Selain itu, pelbagai usaha dan program telah dilaksanakan seperti pengwujudan Pelan Integriti **TH**, Kod Etika Perniagaan, Kod Etika Pembekal, *Whistleblowing Policy*, pembentukan Pelan CRM (*Corruption Risk Management*) **TH**

dan anak-anak syarikat **TH**, Pelancaran Bulan Integriti **TH** dan lain-lain program pendidikan berteraskan integriti. Inisiatif ini juga sebagai sokongan terhadap pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan bagi membentuk integriti sebagai satu budaya di **TH**.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah **TH**, wakil daripada anak-anak syarikat **TH**, pesuruhjaya-pesuruhjaya SPRM dan pengurusan kanan **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre dialian 03-6207 1919.